



**Malay B – Standard level – Paper 1**  
**Malais B – Niveau moyen – Épreuve 1**  
**Malayo B – Nivel medio – Prueba 1**

Monday 9 November 2015 (afternoon)

Lundi 9 novembre 2015 (après-midi)

Lunes 9 de noviembre de 2015 (tarde)

1 h 30 m

---

**Text booklet – Instructions to candidates**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

**Livret de textes – Instructions destinées aux candidats**

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

**Cuaderno de textos – Instrucciones para los alumnos**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

**Teks A**

## Kepentingan Telefon Bimbit



- ① Telefon bimbit ialah alat komunikasi yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dunia masa kini. Telefon bimbit banyak kelebihannya. Kita dapat berhubung dengan seseorang yang beribu-ribu batu jauhnya. Kita dapat mengetahui berita-berita penting dan terkini lebih cepat melalui telefon bimbit berbanding dengan Internet.
- ② Pada suatu ketika, alat perhubungan ini dianggap barang mewah. Kini kebanyakan masyarakat dunia mampu memiliki. Malahan, ada ibu bapa yang menyediakan alat komunikasi ini kepada anak-anak mereka sejak di bangku sekolah rendah lagi bagi memudahkan mereka menghubungi anak-anak. Alat bimbit dapat menyampaikan pesanan secara pantas dan berkesan dan boleh menyimpan pelbagai maklumat juga.
- ③ Tidak keterlaluan jika telefon bimbit dikatakan lebih penting daripada komputer dan Internet kerana telefon bimbit tidak memerlukan kuasa elektrik. Rupa bentuknya yang comel boleh dibawa ke mana-mana dan kini banyak yang dilengkapi dengan kamera dan perakam video. Kita juga boleh melayari Internet untuk memperoleh informasi dan mengetahui berita yang dilaporkan. Lebih menarik lagi, telefon bimbit dapat menyimpan dan memaklumkan akan jadual harian. Pendek kata, telefon bimbit dapat memudahkan urusan sehari-hari kita. Hari ini anda akan dianggap ketinggalan zaman sekiranya tidak memiliki telefon bimbit.
- ④ Namun, telefon bimbit juga boleh mendatangkan keburukan. Telefon bimbit boleh menyebabkan pembaziran jika disalahgunakan. Malahan ada yang sanggup menghabiskan duit untuk menukar-nukar telefon mereka dengan model terbaru. Hal ini pasti merugikan mereka. Bagi pelajar, ada yang sanggup mengikat perut asal sahaja talian tidak terputus. Hal ini, ditambah lagi dengan tindakan para pelajar merakam aksi-aksi mereka yang kurang sopan lalu memuat turunkannya di media sosial untuk tatapan orang umum. Hal ini boleh menjaskankan nama baik mereka.

**Teks B**

# JEREBU BERPANJANGAN

26/05/2014

- ① Singapura: Jerebu yang dijangka melanda Singapura dalam beberapa bulan lagi diramalkan berpanjangan untuk sekurang-kurangnya tiga bulan. Pakar memberi amaran bahawa fenomena berkenaan sama seperti apa yang pernah dialami pada 1997.
- 5 ② Jerebu berpanjangan boleh berlaku sekiranya kesan *El Nino* yang kuat, ditambah pula dengan pembakaran hutan. *El Nino* merupakan satu fenomena yang disebabkan cuaca kering yang teruk dan suhu yang tinggi di rantau ini.
- 10 ③ Laporan alam sekitar menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 3000 kawasan panas di daerah Sumatera dikesan ketika krisis jerebu melanda pada Mac lalu berbanding 2700 pada Jun tahun lalu. Ini merupakan satu peningkatan yang menjadikan jerebu lebih teruk lagi.
- 15 ④ Musim kering dijangkakan berlaku antara Jun dan Oktober. Pakar alam sekitar juga melahirkan kebimbangan terhadap aktiviti pembersihan dan pembakaran ladang secara haram di rantau ini yang akan menyebabkan kebakaran hutan besar-besaran.
- 20 ⑤ “Jika mereka terus melakukan pembakaran untuk membersihkan hutan, terutama sekali apabila tanah dibersihkan secara haram, mereka tidak akan mendengar nasihat sesiapapun. Oleh itu masalah pembakaran ini memerlukan penguatkuasaan pihak pemerintah yang aktif,” kata Pengarah Pusat Alam Sekitar Global, sebuah organisasi swasta, Faizal Parish.
- ⑥ “Ditambah pula, kebakaran yang berlaku Mac lalu masih belum dipadamkan sepenuhnya,” katanya.
- 25 ⑦ Kira-kira 90 peratus asap dan jerebu datang daripada pembakaran tanah gambut. Kebakaran terus berlaku di bawah tanah beberapa bulan dan akan berlaku semula ketika musim kering. Oleh itu, kadang kala apabila hujan, kebakaran di permukaan sudah mati tetapi di bawah tanah tetap terbakar.



Di ubah suai daripada www2.bharian.com.my (2014)

**Teks C**

# Bersinarlah Bulan Bahasa

1 Tetamu terhormat, Anggota Dewan Penasihat dan Majlis Bahasa Melayu. Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, Salam sejahtera.

5 2 Selamat datang ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Bulan Bahasa 2012. Saya amat sukacita kerana berpeluang mempengerusikan Jawatankuasa Bulan Bahasa kali ini. Saya menerima amanah ini demi memajukan dan menggalakkan pengembangan bahasa Melayu.

10 Walaupun bukan ahli bahasa, saya diberi amanah ini. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab mengembangkan bahasa perlu dipikul oleh semua orang.

15 3 Ramai orang yang saya temui, baik yang muda mahupun warga emas, melahirkan rasa sayang mereka akan bahasa kita, yakni bahasa Melayu. Sambutan positif ini menguatkan lagi azam kami untuk memberi dan melakukan yang terbaik demi kejayaan usaha menyemarakkan bahasa Melayu. Kami mengalu-alukan sokongan semua, tidak kira pelajar, pekerja, pencinta bahasa, karyawan atau anggota masyarakat pengguna bahasa kita yang lain.

20 4 Kali ini tema Bulan Bahasa ialah Nilai dan Budi. Malah, ada yang sudah rela tampil untuk membantu kegiatan yang dianjurkan. Contohnya pelibatan penyanyi dan pengubah lagu, Imran Ajmain. Dia terlibat dalam melancarkan kempen bulan bahasa. Begitu juga pelukis batik terkenal, Sarkasi Said, yang bermurah hati mendermakan karya-karyanya untuk membantu kita memungut dana. Inilah contoh yang dikatakan orang yang berbudi.

25 5 Setinggi terima kasih saya [ – X – ] kepada semua ahli jawatankuasa yang telah meluangkan [ – 24 – ] sehingga lewat malam [ – 25 – ] merancang aktiviti yang akan dijalankan. Semasa hujung [ – 26 – ], mereka juga melibatkan [ – 27 – ] dengan menghadiri aktiviti kebahasaan sepanjang bulan bahasa ini.

30 6 Sebagai penutup kata, saya dapat merasakan semangat masyarakat kita yang yakin dan bangga menjadi orang Melayu. Saya harap semangat itu tidak akan luntur. Malah akan terus kukuh dari masa ke semasa. Semoga semua dalam masyarakat Melayu akan dapat bersama-sama menyemarakkan lagi Bulan Bahasa 2012.

7 Sekian, terima kasih.



**Teks D**

## Musim Baharu

- ❶ Pada hari itu, saya dan Nenek berjalan-jalan di taman. Dengan penuh ceria, Nenek memberitahu saya apa yang telah dilakukan sepanjang hari itu. Hari itu, hari ketiga Nenek berada di pusat penjagaan orang-orang tua. Pusat itu menyediakan penjagaan siang hari bagi mereka yang menderita penyakit Alzheimer.
- ❷ Semasa pertama kali saya melihat pusat itu bersama Ayah, Ibu dan Nenek, saya lihat warga emas melakukan beberapa aktiviti dengan gembira. Ada beberapa orang lelaki sedang bermain teka-teki. Sekumpulan wanita pula membuat kraf tangan dan menjahit. Ada pula sedang bersenam dan dibantu oleh orang muda. Pekerja-pekerja di pusat itu sungguh peramah dan baik hati. Walaupun orang di situ tua-tua, mereka tidak kelihatan uzur. Kita tidak dapat menyangka bahawa mereka sedang menghidap penyakit nyanyuk dan penyebab utamanya ialah penyakit Alzheimer.
- ❸ Ruang pusat itu sungguh terang, diiringi alunan muzik klasik. Baunya harum daun pandan yang bertiup dari luar pusat tersebut.
- ❹ “Kami juga ada pohon lidah buaya di sini,” kata Nenek semasa kami dalam perjalanan pulang. Rasanya sungguh seronok melihat Nenek berbual-bual seperti biasa semula.
- ❺ “Pagi tadi, Nenek berkebun selama dua puluh minit. Cuaca memang panas tapi kami menikmati cahaya mentari. Harum bau daun pandan. Apa kata kita tanam pokok pandan di rumah?” tambah Nenek.
- ❻ Saya amat gembira Nenek suka berkebun. Itu hobinya yang baharu. Dia tidak lagi menghabiskan masa seorang diri di rumah. Saya pula tidak perlu kelam-kabut pulang ke rumah untuk menghantar makanan tengah hari. Nenek serta kawan-kawan baharunya dihidangkan makanan sihat di pusat itu. Pada setiap petang setelah saya menghabiskan kerja sekolah atau pun kelas tambahan, saya akan ke pusat itu untuk membawa Nenek pulang. Ibu dan Ayah juga tidak risau lagi kerana mereka tahu ada pakar dan kawan-kawan yang menjaga hal ehwal Nenek setiap hari.
- ❼ Ibu dan Ayah juga menghadiri perjumpaan kumpulan sokongan penjaga di itu. Mereka mendapati perjumpaan seperti itu amat berguna kerana ahli keluarga serta para penjaga mempelajari cara menjaga pesakit nyanyuk dengan lebih baik. Minggu lepas, Ayah menghadiri sebuah ceramah oleh seorang pakar. Para peserta ceramah itu berbincang tentang cabaran menjaga seorang ahli keluarga yang menghidap penyakit nyanyuk serta cara-cara menangani cabaran tersebut. Ayah sempat berkongsi dengan saya beberapa idea daripada ceramah yang dihadirinya. Ceramah itu bertajuk, "Buku Cerita Kehidupan — Nilai Sebuah Kenangan". Kami akan bersama-sama membuat buku cerita "Kehidupan Nenek" pada cuti akan datang.

Di ubah suai daripada Edmund Lim, *Di Manakah Nenek?* (2014)

---